

Hala Tuju Kanak-Kanak Kurang Upaya di Malaysia

Persidangan Kebangsaan Intervensi Awal Kanak-Kanak ke-6 telah diadakan di Kuala Lumpur pada 24-26 November 2016 yang lalu. Persidangan tersebut menerima kehadiran lebih daripada 500 peserta yang terdiri daripada ahli keluarga, golongan profesional, ahli-ahli terapi, penggubal dasar dan ahli pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Dalam persidangan ini, pelbagai perbincangan telah dijalankan diantara ibubapa dengan para profesional dan penggubal dasar tentang isu-isu yang dihadapi oleh kanak-kanak berkeperluan khas (lazimnya dilabel sebagai OKU), dari segi keperluan mereka, perkhidmatan dan amalan yang sedia ada untuk kanak-kanak berkeperluan khas. Selain itu, perbincangan juga dilaksanakan untuk menentukan masa hadapan kanak-kanak kurang upaya di negara kita.



Ms Marianne Clark-Hattingh, wakil dari UNICEF Malaysia memberi ucapan semasa perasmian persidangan

Kami akan menghuraikan 5 teras utama untuk meningkatkan perkhidmatan untuk kanak-kanak berkeperluan khas di Malaysia.

Pertama: Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang Inklusif

Ia adalah penting untuk membolehkan kanak-kanak berkeperluan khas untuk belajar bersama rakan sebaya mereka yang tidak berkeperluan khas di taska dan tadika aliran perdana. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, anjakan paradigma ke arah inklusif perlu dilaksanakan. Sokongan yang disampaikan dalam pusat perkhidmatan intervensi awal (EIP) yang bersifat terpinggir, tumpuan perlu diberikan untuk mencapai inklusif dalam taska dan tadika. Usaha mesti ditingkatkan untuk menambah bilangan kemasukan kanak-kanak berkeperluan khas ke taska dan tadika. Seterusnya, taska dan tadika mesti berfikiran terbuka untuk menerima dan mendidik kanak-kanak berkeperluan khas. Personel perkhidmatan intervensi awal juga tidak terkecuali memainkan peranan penting dalam memberi sokongan serta bekerjasama dengan pendidik-pendidik di taska dan tadika untuk membenarkan inklusif.

Kedua: Pendidikan Inklusif di Sekolah Kebangsaan

Meskipun inklusif terkandung dalam Indeks Prestasi Utama (KPI) dan sasaran pendidikan negara kita, pendidikan golongan kanak-kanak berkeperluan khas masih terasing di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia. Salah satu penghalang utama adalah pembantahan golongan ibu bapa (yang tidak mempunyai kanak-kanak berkeperluan khas) terhadap inklusif ini. Minda golongan ibu bapa ini mesti diubah secara radikal. Dalam masa jangka panjang, inklusif ini bermanfaat untuk semua kanak-kanak di kalangan masyarakat. Pendidikan tidak seharusnya didefinisikan sebagai satu perlumbaan untuk masa depan,

tetapi seharusnya satu perjalanan pembangunan dan penemuan untuk seseorang insan. Penyelidikan juga menunjukkan golongan kanak-kanak berkeperluan khas dapat bermanfaat daripada yang tidak berkeperluan dan juga sebaliknya. Selain itu, salah satu penghalang lain adalah jumlah kanak-kanak berkeperluan khas yang dapat dikenal pasti oleh jabatan pendidikan adalah kurang daripada 10 %. Jumlah kanak-kanak berkeperluan khas yang tidak dikenalpasti adalah dianggarkan melebihi 500,000 orang. Majoriti besar golongan ini adalah di sekolah, tidak dikenalpasti, tidak mempunyai peruntukan perkhidmatan dan selalunya ditempatkan di kelas “lemah”. Selain itu, ada juga kes di mana sekolah menolak golongan kanak-kanak kurang berupaya sepenuhnya. Sekolah di seluruh negara seharusnya memberi tumpuan kepada KPI inklusif dan tidak pada KPI pencapaian akademik pelajar. Kemungkinan penjenamaan semula divisi pendidikan khas kepada divisi pendidikan inklusif boleh dijalankan. Moto “*Leave no child behind*” yang bermaksud semua kanak-kanak tidak dikecualikan mesti dijadikan pedoman.

Ketiga: Memperkuasakan Keluarga/Ibubapa

Seringkali, perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi kerajaan (Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pendidikan) ataupun NGO jarang melibatkan ibubapa dalam perancangan perkhidmatan tersebut. Mungkin hanya segelintir ibubapa menjadi wakil dalam majlis kebangsaan bagi OKU. Justeru itu, ia amatlah penting untuk mewujudkan peluang bagi ibubapa yang mempunyai kanak-kanak berkeperluan khas untuk memimpin dan meneraju usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan serta advokasi hak asasi anak-anak mereka. Ibubapa ialah orang yang paling memahami keperluan anak-anak mereka, di samping berkemampuan dari segi mengadaptasikan bentuk intervensi dan terapi supaya memenuhi keperluan anak-anak mereka. Inilah masanya untuk mendengar pandangan ibubapa dengan teliti dan ikhlas, selain dari memperolehi idea-idea daripada ibubapa atas penambahbaikan perkhidmatan intervensi untuk anak-anak mereka. Ini mestilah berlaku secara serentak di agensi kerajaan serta NGO, pada peringkat nasional malahan tempatan. Selain itu, adalah penting bahawa keluarga-keluarga yang mempunyai anak berkeperluan khas memberi sokongan sesama sendiri, malah menjadi mentor kepada keluarga lain supaya membimbing mereka untuk tampil ke hadapan, dan mengatasi cabaran menjangai anak-anak berkelainan upaya. Dalam persidangan ini, ibubapa dari kumpulan sokongan yang berlainan mengambil peluang untuk mendekati satu sama lain menerusi media sosial untuk membentuk kesepakatan.



Sebahagian peserta di persidangan

Keempat: Latihan Profesional

Golongan profesional dari agensi-agensi kerajaan – Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat – kurang kesedaran dan kepekaan terhadap keperluan kanak-kanak berkeperluan khas. Malah, kebanyakan pegawai perubatan tidak terlatih dalam pengetahuan dan kesedaran golongan berkeperluan khas (Disability Awareness dan Equality Training). Majoriti program latihan perubatan ijazah yang disampaikan di universiti gagal menyediakan pelajarannya dalam pengetahuan kurang upaya yang menjejaskan kualiti hidup 15% daripada seluruh kanak-kanak di negara kita. Akibatnya,

graduan-graduan tersebut memasuki masyarakat dengan pengetahuan dan kesedaran OKU yang terhad. Oleh itu, program-program university perubatan haruslah direka semula untuk merangkumi latihan kesedaran dan kepekaan OKU sebagai komponen wajib, serta berciri komprehensif supaya dapat melengkapkan kemahiran pegawai perubatan apabila mereka menghadapi pesakit yang berkeperluan khas.

Selain daripada itu, sejajar dengan usaha membolehkan kanak-kanak berkeperluan khas diterima dalam kelas arus perdana, pada masa yang sama juga semua guru (pra perkhidmatan ataupun dalam perkhidmatan) haruslah mengambil latihan asas dalam ilmu pengajaran dan pembelajaran pelajar berkeperluan khas sebagai latihan mandatori dan berterusan. NGO yang memberikan sokongan kepada kanak-kanak berkeperluan khas menerusi program intervensi awal juga perlu memberi peluang kepada staf mereka untuk mengambil kursus latihan yang berkualiti tinggi untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan intervensi awal mereka.

Kelima: Membawa keseimbangan kepada sektor swasta/korporat

Ramai ibu bapa telah mengemukakan keduakaan mereka kepada pihak NECIC mengenai kepesatan kenaikan yuran yang dikenakan oleh profesional swasta atas perkhidmatan yang disampaikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Kami menegaskan bahawa penjagaan dan sokongan kanak-kanak berkeperluan khas tidak seharusnya dilihat sebagai perniagaan dan dijadikan sebagai kesempatan untuk mengaut keuntungan. Namun demikian, kami akui bahawa profesional yang terlatih patut memperoleh pendapatan yang mencukupi asalkan kadarnya tidak terlalu tinggi. NECIC menekankan peranan kerajaan dan agensi-agensi berkaitan untuk mewujudkan suatu jadual yuran untuk mengehadkan kos perkhidmatan intervensi dan terapi yang pelbagai. Seiring Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 yang digubal baru-baru ini, ini adalah masa yang sesuai untuk meneliti pembentangan jadual yuran yang merangkumi semua perkhidmatan intervensi kanak-kanak berkeperluan khas. Umpamanya perkhidmatan intervensi awal (EIP), terapi pertuturan, penilaian/terapi psikologi, fisioterapi, terapi carakerja (occupational therapy) dan lain-lain. Di samping itu, terapi bukan konvensional juga perlu dibendung serta dipantau agar ibubapa tidak dieksploitasikan.

Malaysia telah mencapai tahap di mana perkhidmatan untuk kanak-kanak berkeperluan khas sedang berubah dan berkembang. Amat penting bagi kita semua memainkan peranan aktif dalam memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah untuk menyokong, bukannya mengeksploitasi keluarga warga berkeperluan khas. NECIC mendorong kerajaan supaya lebih proaktif dalam memberi sokongan kepada ibubapa dan kanak-kanak berkeperluan khas mereka dari segi bantuan kewangan serta peruntukan perkhidmatan. Selain itu, pada masa ini, peruntukan jawatan dalam agensi-agensi kerajaan untuk terapi yang kritikal untuk golongan berkeperluan khas amat terhad. Kerajaan mestilah komited untuk mewujudkan lebih banyak jawatan dan peluang pekerjaan dalam bidang perkhidmatan untuk warga berkeperluan khas, supaya lebih ramai individu dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup golongan tersebut.

Seluruh masyarakat perlu melibatkan diri dalam pembangunan sesebuah negara; sama ada berkeperluan khas atau tidak.

Inklusif bukannya mengenai mengejar kejayaan tetapi tentang penerimaan.

Sebuah negara yang maju adalah negara yang tidak kecualikan anak-anaknya.

Sekian terima kasih.

Dato' Dr Amar-Singh HSS (Bekas Presiden)
Dr Wong Woan-Yiing (Presiden Semasa)
National Early Childhood Intervention Council (NECIC)
Majlis Kebangsaan Intervensi Awal Kanak-Kanak

